NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#12

14 Mac 2024 – 20 Mac 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

Parlimen Perlu Serius Bahas RUU 2

MOT Perlu Cari Model Selain Cukai 4

Pindaan AUKU Masih Ada Kesamaran 7

Kerajaan Gopoh Turun Harga Beras Import 10

Industri Tembakau Pengaruhi Polisi Negara 13

Dasar Radikal BJP Hapus Islam di India 15

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Parlimen Perlu Serius Bahas RUU

- **Rang Undang-undang** (RUU) Kekebalan Bidang Kuasa Negeri Asing 2023 yang dibentangkan oleh kerajaan telah diluluskan sebulat suara melalui undi suara.
- Seperti kebanyakan RUU yang dibentangkan sebelumnya, RUU ini dibentang dalam keadaan **tergesa-gesa** oleh kerajaan Madani. RUU Kekebalan Bidang Kuasa Negeri Asing 2023 adalah suatu RUU yang baru dan tidak pernah dibentangkan dalam Dewan Rakyat.
- Ia bertujuan mengawal selia kekebalan diberi kepada sesebuah negara asing dan hartanya, ketua negara dan ketua kerajaan daripada bidang kuasa mahkamah Malaysia.
- Malangnya akta sepenting ini yang bertujuan menjaga kedaulatan negara hanya dibentang selepas kerajaan memberi taklimat kepada semua ahli parlimen dibuat dalam masa dua (2) jam sebelum ia dibentang di dalam Dewan Rakyat.
- Ketidakseriusan kerajaan untuk membuat dasar juga terserlah apabila hanya 11 ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang dibenarkan berbahas dalam jangka **masa yang pendek** untuk RUU yang sebegini penting.
- Selain itu, atas dasar keselamatan dan kedaulatan negara di masa hadapan, pihak pembangkang mencadangkan meminda RUU ini pada fasal 32 yang disifatkan memberi kuasa berlebihan kepada Perdana Menteri.
- Perikatan Nasional mahu mencadangkan agar kuasa untuk mengecualikan mana-mana negara asing daripada mana-mana peruntukan diberikan kepada Yang di-Pertua Agong atau dirujuk kepada Majlis Parlimen. Ini bagi menghindari masalah yang berlaku di masa hadapan.

- Atas beberapa faktor ini, pembangkang dan juga dipersetujui oleh kebanyakan Ahli Parlimen kerajaan mencadangkan RUU ini dirujuk ke peringkat **Jawatankuasa Khas** sebelum dimuktamadkan.

- Namun gesaan ini tidak diendahkan. Timbalan Speaker dengan tergesa-gesa meminta semua ahli parlimen terus mengundi walaupun YB Beluran dengan menggunakan peraturan mesyuarat meminta speaker menangguhkan undian dan membawa RUU ini ke peringkat Jawatankuasa Khas.

- Sikap menjadi "bulldoze" dan rubber stamp oleh parlimen ini pernah dikritik oleh YB Liew Chi Tong (DAP) dari Iskandar Puteri ketika membela N Surendran (PKR) yang melontarkan kritikan terhadap parlimen dengan istilah "rubber stamp"pada tahun 2014.

- Sememangnya Parlimen kita memang memerlukan pembaharuan dan seperti yang dijanjikan dalam manifesto PH, namun seperti janji PH yang lain-lain, ia hanya tinggal janji.

- Tidak hairanlah jika negara kita menjadi bahan jenaka di luar sana jika keputusan kerajaan sentiasa flip-flop akibat kurangnya perbincangan dan perbahasan yang mendalam bagi setiap dasar dan polisi negara.

- Malaysia perlukan kerajaan dan pembangkang yang meletakkan kepentingan negara mendahului kepentingan parti dan individu.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225373/ruu-kekebalan-bidang-kuasa-negara-asing-2023-lulus-di-dewan-rakyat
- https://liewchintong.com/2014/06/22/parlimen-rubber-stamp/?fbclid=IwAR2NGFnuaiddjP6HE-OroklxAgZkVxVQPo89kCbDPd-08MZsrir8VuYa-pE

MOT Perlu Cari Model Selain Cukai

- Kajian semula cukai lapangan terbang ataupun dikenali dengan **caj perkhidmatan penumpang** (PSC) dilihat sebagai satu usaha untuk menampung kerugian pengoperasian sewaktu pandemik Covid-19 dan menampung kos operasi lapangan terbang. Namun, jika diimbas kembali, industri pengangkutan udara sebenarnya tidak diabaikan daripada bantuan kerajaan sewaktu pandemik. Ini menyebabkan syarikat-syarikat utama penyedia perkhidmatan udara masih boleh bertahan sehingga kini.
- Oleh itu, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui MAHB diharapkan dapat memperincikan bagaimana PSC ini akan menyelesaikan aduan dan memberikan **perkhidmatan lebih baik** kepada pengguna. Adakah ada 'sunset clause' terutama kepada pengguna domestik, sekiranya pengoperasian lapangan terbang beralih kepada tenaga boleh baharu yang dijangka dapat menjimatkan kos dalam jangka masa yang panjang. Ini bagi memastikan kemudahan pengangkutan udara kekal dinikmati oleh pelbagai golongan pendapatan.
- Jika sebelum ini perjalanan bukan-ASEAN mensubsidi perjalanan ASEAN, mulai 1 Jun 2024 kedua-dua perjalanan ini diselaraskan. Ia atas alasan mana-mana penumpang tetap menggunakan fasiliti yang sama, justeru kerajaan berpandangan tidak sepatutnya ada pihak yang didiskriminasikan.
- Ini bermakna semua pelepasan antarabangsa dari KUL Terminal 1 akan dikenakan PSC dua kali ganda sebanyak RM73 (daripada RM35) dan penurunan caj kepada RM50 (daripada RM73) untuk KUL Terminal 2. Ini merangkumi semua perjalanan dalam ASEAN atau melangkaui ASEAN. Turut mula dikenakan adalah PSC pindahan melalui lapangan terbang Malaysia merangkumi transit penerbangan antarabangsa KLIA2 (RM29) digunakan terutamanya oleh Kumpulan AirAsia, KLIA 1 (RM42) digunakan terutamanya oleh

Malaysia Airlines, dan transit (pindah pesawat) domestik (RM7) di semua lapangan terbang negara. Tidak termasuk penerbangan balik.

Table 1: Current and revised PSC rates for departures from airports in Malaysia

TRAVEL	TYPE OF PSC	CURRENT PSC	REVISED PSC *(RP1: 2024-2026)*
Domestic travel from/ through* all airports	Departure PSC	RM 11	RM 11
	Transfer PSC	-	RM 7
International travel from/ through* KUL Terminal 1	Departure PSC	ASEAN: RM 35 Beyond ASEAN: RM 73	RM 73
	Transfer PSC	-	RM 42
International travel from/ through* KUL Terminal 2 and other airports	Departure PSC	ASEAN: RM 35 Beyond ASEAN: RM 73	RM 50
	Transfer PSC	-	RM 29

Notes:
- For context, the term ***through*** refers to passengers who are transferring to another flight and will be charged a transfer PSC.
- The rates above are **not applicable to Senai International Airport (JHB)**.
- The above revision will be effective **1 June 2024**. Tickets issued before 1 June 2024 will not be subjected to the new rates, even if the date of travel occurs on or after 1 June 2024.

Source: MAVCOM

- Selain itu, bagi caj perkhidmatan penerbangan (ASC) bukan PSC seperti tarif untuk pendaratan dan tempat letak kapal terbang, dan sebagainya, caj akan diselaraskan mengambil kira kadar inflasi (CPI).
- Ini semua bakal menyumbang lebih **40 peratus pendapatan** lapangan terbang. Caj lebih rendah di KLIA 2 pula bergantung kepada keanjalan harga sesuai dengan laluan jarak dekat, gelagat pembelian yang memihak kepada penerbangan tambang rendah berbanding penumpang di KLIA 1.
- Menurut laporan **Suruhanjaya Penerbangan Malaysia** (MAVCOM) bulan ini, ada pihak menimbulkan kebimbangan bahawa perubahan ini tidak sesuai pada masa sekarang, sepatutnya kerajaan dan MAHB menunggu sehingga mencapai tahap pengunjung pre-pandemik Covid-19. Ini dibimbangi menyumbang kepada penurunan jumlah pengguna yang keluar masuk ke Malaysia sekiranya perkhidmatan tidak selari dengan yang diharapkan.

- Selain itu, ada segelintir pemain industri mempersoalkan tentang perancangan pembangunan dan pembiayaan MAHB yang kurang jelas dan telus. Lebih-lebih lagi pembangunan lapangan terbang memerlukan sejumlah kos yang tinggi. Ini memerlukan perancangan jangka panjang dan maklum balas yang tepat daripada pengguna lapangan terbang bagi memastikan MAVCOM dan MAHB membuat keputusan yang lebih baik.
- Tambahan pula, kerajaan akan menubuhkan akaun amanah pembangunan lapangan terbang yang dikenali sebagai **Airport Development Fund** (ADF) untuk tujuan pembangunan lapangan terbang. ADF ini bakal dibiayai sebahagiannya oleh 50 peratus PSC bagi tempoh 45 tahun sehingga 11 Februari 2069.
- Berkaitan isu ini, sebenarnya kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya mencukai rakyat, apatah lagi menambahkan lagi cukai tanpa mengambil kira keadaan pengguna secara keseluruhan. Dalam keadaan pengguna mempunyai pelbagai lagi keperluan yang perlu diutamakan, kerajaan perlu berusaha untuk mencari model-model baru yang lebih baik dan mampan.
- Di samping itu, satu mekanisme pemantauan cadangan dan pelaksanaan ADF dan PSC perlu diperkasakan secara telus, interaktif dan mudah difahami oleh pengguna. Dengan adanya mekanisme ini, diharapkan dapat menjamin urus tadbir yang baik bagi menjaga kepentingan pengguna dan pemegang taruh keseluruhannya.

RUJUKAN

- https://www.mavcom.my/en/2024/03/12/mavcom-announces-revisions-to-the-aviation-services-charges-asc/

Pindaan AUKU Masih Ada Kesamaran

- Dewan Rakyat pada Isnin lalu telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) pindaan **Akta Universiti dan Kolej Universiti** (AUKU) 1971 dengan undian sebulat suara oleh 222 Ahli Parlimen.
- Pindaan ini menyaksikan perubahan terhadap beberapa seksyen dalam akta tersebut membabitkan Seksyen 15 dan 16 AUKU serta Seksyen 48(4), Seksyen 48(11), Seksyen 48(12) dan Seksyen 49(2) Jadual Pertama AUKU.
- Antara peruntukan RUU itu melibatkan Seksyen 15A iaitu memberi kebenaran kepada MPP dan Badan Pelajar untuk **memungut wang** atau menerima sumbangan lain. Namun, ia tidak membenarkan pelajar atas kapasiti individu untuk terbabit dalam aktiviti pemungutan, penerimaan wang atau apa-apa sumbangan.
- Peruntukan lain termasuk Seksyen 16B iaitu pertukaran Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar Universiti, Seksyen 48(4) Jadual Pertama iaitu tempoh lantikan Majlis Perwakilan Pelajar berdasarkan kalendar akademik dan Seksyen 48(11) Jadual Pertama iaitu Majlis Perwakilan Pelajar dibenarkan untuk menyenggara Kumpulan wang (akaun).
- Seksyen 48(12a) turut dipinda seiring dengan pindaan Seksyen 48(11b) Jadual Pertama akta tersebut yang membenarkan MPP membuka dan mengurus akaun dengan mana-mana institusi kewangan sah.
- Pindaan turut merangkumi kuasa menentukan **tindakan tatatertib** ke atas pelajar di universiti awam bakal dipindahkan ke Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan bukan lagi berada di bawah kuasa Naib Canselor.
- Selain itu, **tempoh penggal** bagi MPP yang ditetapkan setahun sebelum ini turut akan dipinda, yang mana pihak berkuasa universiti atau lembaga boleh melanjutkan tempoh keahlian apabila pilihan raya kampus tidak dapat dilaksanakan pada tempoh ditetapkan.

- Meskipun perbahasan terhadap pindaan akta ini dilihat tenang, namun masih ada perkara yang belum jelas perlu diperhalusi oleh semua pihak berkepentingan terutamanya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
- Misalnya, Seksyen 15 A memberikan kebenaran kepada kepada mahasiswa memungut wang serta Seksyen 48 (11) yang memberi kuasa kepada Majlis Perwakilan Pelajar dan Badan Pelajar untuk menyenggara Kumpulan wang di dalam dan di luar universiti. Ironinya, MPP adalah entiti yang tidak berdaftar di bawah ROS.



- Justeru, MPP tidak boleh membawa masuk wang tajaan ke dalam akaun bank mereka melainkan akaun berada di bawah nama universiti. Keadaan ini mungkin akan mendedahkan **campur tangan** pihak pentadbiran universiti bagi menentukan proses pengeluaran dan penggunaan wang yang diterima.
- Selain itu, kebimbangan juga dilihat wujud bagi isu kuasa memendekkan dan memanjangkan tempoh MPP yang diletakkan di bawah pihak berkuasa universiti atau Lembaga. Situasi ini mungkin akan membuka ruang kepada

Lembaga menyalahgunakan kuasa menyingkirkan lebih awal mana-mana perwakilan yang melawan pihak pentadbiran.

- Pindaan juga dilihat tidak membawa perspektif baru apabila mahasiswa masih lagi **tidak dilibatkan** dalam lembaga dan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar. Justeru, bagaimanakah setiap keputusan serta hukuman yang akan dibuat kelak mampu mengambil kira pandangan mahasiswa sendiri?
- Pindaan dibuat juga turut menimbulkan polemik kerana ia tidak melibatkan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Oleh itu, satu pindaan segera terhadap Akta Universiti Teknologi Mara (UiTM) atau Akta 173 perlu buat agar selari dengan Pindaan AUKU terkini.
- Untuk rekod, kali terakhir pindaan terhadap AUKU dibuat pada pada 10 Dis 2018, iaitu pemansuhan sepenuhnya Seksyen 15(2)(c) yang menghalang mahasiswa terbabit dalam kegiatan **politik di kampus**.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/auku-diluluskan-benarkan-mpp-terima-sumbangan/
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pindaan-auku-pergerakan-golongan-mahasiswa-tidak-lagi-terhad-pkpim-463037
- https://www.malaysiakini.com/news/699993

Kerajaan Gopoh Turun Harga Beras Import

- Selepas lebih sebulan rakyat menunggu pengumuman daripada kerajaan berkenaan Beras Madani, kerajaan menerusi Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) akhirnya bersetuju supaya harga jualan runcit beras putih import (BPI) **diturunkan** antara RM2 hingga RM3 di pasaran pada 20 Mac 2024.

- Ini sekaligus menarik balik kenyataan Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz sebelum ini bahawa kerajaan akan mengenalkan **Beras Madani** sebagai kategori tunggal bagi beras putih untuk menggantikan kategori beras putih tempatan dan import di pasaran negara.

- Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata keputusan itu dimuktamadkan bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah.

- Mesyuarat NACCOL yang dipengerusikan Perdana Menteri itu turut memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

- Penguatkuasaan melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) juga akan ditingkatkan di seluruh negara. Dalam meluaskan jaringan pengedaran BPT, aktiviti Jualan Agro MADANI yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperluaskan dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program.

- Kerajaan turut bersetuju agar semua Kontrak Kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI. Melalui kaedah ini, bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedarkan sepenuhnya di pasaran pada April 2024.

- Langkah itu untuk meningkatkan pengedaran **beras putih tempatan** (BPT) bagi menangani isu kekurangan bekalan beras tempatan di pasaran susulan pelarasan harga BPI oleh BERNAS pada 1 September 2023.

- Sehubungan itu, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz memaklumkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) bersedia untuk menjadi **pengimport alternatif** kepada BERNAS. Beliau berkata, kesediaan itu sekiranya BERNAS tidak mampu untuk mendapatkan harga beras yang lebih kompetitif bagi menampung keperluan beras tempatan.

- Kenyataan ini sekali lagi menimbulkan kehairanan dan dilihat terburu-buru berikutan BERNAS telah pun mendapat konsesi sebagai **pengimport tunggal** sehingga tempoh 10 Januari 2031. Sekiranya kerajaan membenarkan NAFAS untuk menjadi pengimport beras, ini sekaligus akan melanggar perjanjian kerajaan dengan BERNAS dan boleh diambil tindakan undang-undang.

- Namun begitu, tinjauan wartawan ke beberapa pasar raya mendapati BPI masih dijual pada **harga yang sama** antara RM43.29 sen dan RM49.50 sen bagi setiap beg mengandungi 10 kilogram (kg). Harga BPI bagi paket beras lima kg pula dijual pada harga antara RM19.94 sen dan RM21.59 sen.

- Arahan penurunan harga BPI antara RM2 dan RM3 bermula sehari selepas kenyataan itu dikeluarkan dilihat sukar dipatuhi peniaga dan pemilik pasar raya berpunca tindakan drastik daripada kerajaan itu.

- Rata-rata peniaga menyatakan pihaknya mendapat bekalan pelbagai jenama BPI pada harga lama minggu lalu dan kerajaan sepatutnya mengambil kira bekalan stok lama sebelum memutuskan untuk menurunkan harga.

- Ini kerana mereka perlu mengambil keuntungan dengan harga lama dan jika melaksanakannya terus, maka keuntungan perniagaan mereka akan mengalami defisit. Lebih menghairankan lagi, mereka menyatakan tidak

menerima sebarang arahan penurunan harga BPI daripada pembekal dan agensi kerajaan termasuk BERNAS.

- Kerajaan sepatutnya lebih berhati-hati dalam membuat sebarang pengumuman dan mengambil kira semua pemegang taruh rantaian bekalan beras negara. Begitu juga, kerajaan perlu mengelakkan dasar populis dan mengambil kira kepentingan seluruh pihak.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-beras-putih-import-turun-rm2rm3-bermula-esok-463057
- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071417/nafas-sedia-jadi-pengimport-alternatif-beras
- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1072041/arahan-drastik-kerajaan-jejaskan-peniaga

Industri Tembakau Pengaruhi Polisi Negara

- Kementerian Kesihatan (KKM) mengakui tekanan penggiat industri rokok dan vape yang **melobi kerajaan** menyebabkan KKM terpaksa mengubah keputusan untuk merealisasikan generasi penamat rokok (GEG).
- Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni ketika menjawab soalan tambahan YB Dr Halimah Ali berkata, disebabkan tekanan itu menyebabkan berlaku **pertindihan pandangan** antara kerajaan, ahli Dewan Rakyat dan pemain industri berhubung pelaksanaan GEG.
- Selang beberapa hari selepas itu, Menteri Kesihatan Dr Dzulkefly Ahmad pula **menyanggah kenyataan timbalan** beliau sendiri dan menafikan ada pengaruh industri tembakau atau pelobi berkait peruntutan GEG.
- Pada 30 November tahun 2023, Dewan Rakyat telah meluluskan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 di peringkat dasar walaupun peruntukan GEG digugurkan daripada RUU tersebut.
- Jika peruntukan GEG turut diluluskan, apa-apa penjualan dan penggunaan sebarang bentuk bahan merokok termasuk rokok elektronik kepada individu yang dilahirkan selepas 1 Januari 2007 adalah dilarang.
- Malangnya, Peguam Negara, Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh berkata peruntukan RUU itu bercanggah dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan justeru boleh **dicabar di mahkamah**. Alasannya memandangkan peruntukan itu mewujudkan layanan undang-undang yang tidak sama rata antara individu yang lahir sebelum dan selepas 1 Januari 2017.
- Khairy Jamaluddin yang juga bekas Menteri Kesihatan yang mula membentangkan RUU ini buat kali pertama pada Julai 2022 berkata pengakuan Datuk Lukanisman itu menunjukkan kerajaan **melanggar Konvensyen** Rangka Kerja Kawalan Tembakau yang Malaysia meterai.

- Perkara 5.3 konvensyen Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan negara pemeterai harus melindungi dasar kesihatan awam kebangsaan daripada sebarang tekanan daripada industri atau kepentingan komersial.



- Rentetan senario ini membuktikan kerajaan MADANI begitu mudah tunduk dengan **desakan pelobi** dan pemain industri dan cuba memanipulasi aspek perundangan agar berpihak kepada mereka. Jika sikap sebegini berterusan, amat sukar agenda reformasi institusi dapat dijayakan dan dinikmati oleh rakyat.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/654937/berita/nasional/kerajaan-perlu-jelas-alasan-benarkan-wakil-industri-tembakau-pengaruhi-polisi-negara
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/18/kerajaan-langgar-konvensyen-who-berkait-kawalan-tembakau-kata-khairy/
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/20/tangguh-geg-tidak-dipengaruhi-pelobi-industri-kata-menteri/

Dasar Radikal BJP Hapus Islam di India

- **Bharatiya Janata Party** (BJP) atau dikenali juga sebagai Indian People' Party merupakan sebuah parti politik berasaskan agama yang diwujudkan selepas India mencapai kemerdekaan daripada penjajahan British. Parti ini mendapat sokongan yang kuat dalam kalangan orang India berkasta rendah.
- Pada tahun 2014, parti ini telah berjaya memegang tampuk pemerintahan tertinggi di India dan mengalahkan Indian National Congress. Parti tersebut telah mengangkat **Narendra Modi** sebagai Perdana Menteri yang baharu untuk memimpin negara tersebut.
- Pentadbiran kerajaan yang diteraju oleh BJP melalui Narendra Modi telah berjaya mengukuhkan pengaruhnya melalui **dasar nasionalis** pro-Hindu dan anti-Islam. Dasar ini memberi kesan terhadap warganegara India yang beragama Islam untuk melaksanakan hak beragama.
- Dari aspek nasionalisme Hindu, Modi dan BJP telah mendapat pujian daripada penganut Hindu kerana berjaya membinaan sebuah kuil besar kepada tuhan Hindu Ram di Ayodhya. Kuil tersebut dibina di atas tapak masjid berusia berabad-abad yang dihancurkan oleh Hindu pada tahun 1992. Keputusan ini, bersama-sama ini dibuat setelah BJP mengambil tindakan drastik dengan membatalkan **autonomi wilayah** majoriti Muslim di Jammu dan Kashmir.
- Pindaan **Citizenship Amendment Act** (CAA) telah dipercepatkan oleh Modi bagi memberi peluang kepada imigran luar seperti Afghanistan, Bangladesh dan Pakistan untuk mendapatkan kewarganegaraan namun ia tidak terpakai bagi mana-mana individu yang beragama Islam.
- Banyak yang menganggap pindaan ini akan memberi kesan terhadap **polarisasi dalam masyarakat** dan ia juga antara akta yang mendiskriminasi individu beragama Islam untuk memperoleh kewarganegaraan secara sah. Kesan pindaan ini juga telah menyebabkan berlakunya rusuhan berdarah di

Delhi di mana ia menyebabkan 38 orang India Muslim dan 15 India Hindu terbunuh.

- Pada tahun 2019, hampir 2 juta orang Assam yang tinggal di timur laut India dinafi dan dilucut kewarganegaraan. Melalui National Register of Citizens (NRC), kerajaan Modi telah memaksa 30 juta orang di Assam untuk membuktikan kewarganegaraannya. Mereka (Assam) perlu menunjukkan bukti bahawa kaum tersebut telah tinggal di kawasan tersebut sebelum Mac 1971. Secara demografinya, sebanyak 61.47 peratus penduduk Assam adalah beragama Hindu dan 34.22 peratus pula menganut agama Islam.
- Laporan Hindutva Watch mengatakan BJP secara konsisten menyebarkan **kebencian yang melampau** terhadap penganut Islam. Pada suku tahun pertama 2023, sebanyak 255 kes berkaitan ucapan berbentuk kebencian terhadap Islam telah dilaporkan yang dikaitkan dengan 'trend yang semakin meningkat' ucapan kebencian anti-Muslim di negara tersebut. Malah, 80 peratus (205) daripada laporan kes tersebut berlaku dalam negeri sewaktu pentadbiran parti BJP berkuasa.
- Pada September 2023, sidang parlimen India telah dicemari dengan ucapan yang **mempromosi Islamophobia**. Ucapan tersebut telah diucapkan oleh Ramesh Bidhuri, ahli parlimen BJP dengan memanggil Kunwar Danish Ali seorang ahli parlimen Muslim sebagai pengganas.
- BJP berjaya mengukuhkan pengaruh dan kedudukan partinya selama 10 tahun dengan dasar yang radikal dan rasis bagi mendapatkan kepercayaan rakyat India. Melalui tinjauan pandangan yang dikeluarkan oleh ABP News bagi mengukur persepsi rakyat India pada pilihan raya 2024, BJP dianggarkan akan mendominasi 42 peratus kerusi, Congress/I.N.D.I.A+ akan memperolehi 38 peratus kerusi dan selebihnya akan dikuasai oleh parti minoriti.
- Sekiranya BJP memenangi pilihan raya yang bakal diadakan pada April 2024, hak dan kebebasan rakyat minoriti di India akan terkesan.

RUJUKAN

- https://www.hrw.org/news/2021/02/19/india-government-policies-actions-target-minorities
- https://www.hrw.org/news/2023/01/12/india-suppression-free-speech-minorities
- https://www.hrw.org/news/2021/02/19/india-government-policies-actions-target-minorities
- https://time.com/6958093/india-elections-2024-phases-long/
- https://apnews.com/article/india-citizenship-law-modi-muslims-caa-28909f8df0e6d5e0915e065195abef14
- https://www.aljazeera.com/news/2019/8/31/india-excludes-nearly-2-million-people-from-assam-citizen-list



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**